

Belanjawan: MB, KM berdialog dengan PM

BH 31 MAY 2002

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Khamis – Buat kali pertama, sesi khusus dengan Menteri Besar, Ketua Menteri, penyokong kerajaan dalam Parlimen dan setiausaha politik diadakan dengan Menteri Kewangan pada majlis dialog Belanjawan 2003, minggu depan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sesi keempat dengan kumpulan terabit adalah sesi rundingan dengan ketua-ketua kerajaan negeri dan wakil rakyat untuk mendapatkan input bagi pengubalan dasar serta strategi kerajaan bagi Belanjawan tahun depan.

“Seperti tahun lalu, dialog ini diadakan dalam tiga sesi membabitkan perbincangan mengenai perkembangan dan isu-isu makroekonomi negara, per-

bincangan dengan wakil sektor ekonomi utama dan industri serta perbincangan dengan pelbagai pertubuhan sosial mengenai isu dan agenda kemasyarakatan.

“Tahun ini, saya akan mengadakan satu lagi sesi khusus dengan menteri-menteri besar, ketua-ketua menteri, penyokong kerajaan dalam Parlimen dan setiausaha politik,” katanya pada pembukaan sesi pertama majlis dialog Belanjawan 2003 di sini hari ini.

Sesi pertama itu dihadiri kira-kira 50 wakil tujuh institusi pengajian tinggi awam (IPTA), 12 organisasi yang mewakili dewan perniagaan, persatuan bank dan badan penyelidikan serta pelbagai kementerian dan agensi kerajaan berkaitan.

Esok, majlis yang sama diadakan dengan persatuan-persatuan. Pada hari Isnin pula dialog Menteri Kewangan itu diadakan dengan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) manakala pertemuan dengan kumpulan menteri besar, ketua menteri dan penyokong kerajaan, dijadualkan pada Selasa iaitu hari terakhir bagi acara tahunan itu.

Belanjawan 2003 dijangka dibentangkan Dr Mahathir selaku Menteri Kewangan pada jam 4 petang 20 September ini iaitu lebih awal daripada jadual biasa pada bulan Oktober setiap tahun. Tahun lalu ia dibentangkan pada 19 Oktober.

Dalam ucapannya pada siri pertama dialog itu yang diadakan di Unit Penyelidikan Pelaksanaan, Jaba-

tan Perdana Menteri di sini pagi ini, Dr Mahathir dalam ucapan pembukaannya antara lain berkata:

“Ini adalah kali kedua saya terpaksa mepengerusikan dialog ini selepas menjadi Menteri Kewangan. Oleh itu, saya sedang belajar beberapa perkara. Saya harap saya tidak

memburukkan keadaan.”

Kali pertama Dr Mahathir mepengerusikan dialog itu Julai lalu selepas mengambil alih jawatan Menteri Kewangan daripada Tun Daim Zainuddin yang meletak jawatan pada 1 Jun tahun lalu.

Perdana Menteri pernah menyandang jawatan ber-

kenaan selama kira-kira empat bulan apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada kerajaan dan parti pada September 1998, sebelum jawatan itu diserahkan kepada Daim pada Januari 1999.

Bagaimanapun, ketika itu beliau tidak sempat mepengerusikan dialog

praBelanjawan meskipun membentangkan Belanjawan 1999 itu pada Oktober 1998.

Dialog kali ini yang bertema “Memupuk sektor swasta yang dinamik dan berdaya tahan” adalah acara rasmi praBelanjawan yang penting bagi mendapatkan idea dan saranan

bernas dalam menangani pelbagai isu dan cabaran ekonomi semasa dan masa depan.

Dr Mahathir berkata, semua input yang dikemukakan dalam majlis itu akan dikaji dan di mana sesuai, akan dijadikan asas untuk merangka strategi dan langkah Belanjawan 2003.